

SERDANG, 3 OKT. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA MALAM INI, MALAYSIA PERLU MENGGUNAKAN SETIAP MASA YANG ADA UNTUK PEMBANGUNAN SUPAYA SETANDING DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU.

KATANYA, NEGARA-NEGARA MAJU MUNGKIN BOLEH KEKAL MAJU SEKALIPUN MEREKA MELIBATKAN DIRI DALAM PEPERANGAN SELAMA 10 TAHUN.

TETAPI NEGARA INI TIDAK ADA MASA SEBANYAK ITU UNTUK DIHABISKAN, TEGASNYA KETIKA BER CERAMAH KEPADA MAHASISWA-MAHASISWA UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA DI SINI.

TAJUK CERAMAH ITU IALAH +CAMPURTANGAN MAHASISWA-MAHASISWI DALAM BIDANG POLITIK.+

MENTERI ITU BERKATA, MAHASISWA BOLEH MENGAMBIL PERANAN YANG BERFAEDAH DENGAN MENOLONG KEARAH MENYEGERAKAN PEMBANGUNAN NEGARA.

SEBAHAGIAN BESAR PENUNTUT YANG PERGI KE UNIVERSITI-UNIVERSITI INGIN BELAJAR TETAPI MUNGKIN SEBAHAGIAN KECIL DARI MEREKA TERGODA OLEH SESUATU HINGGA LUPA TUJUAN UNTUK Mencari PELAJARAN.

KATANYA, JIKA RAMAI MAHASISWA GAGAL DALAM PELAJARAN NEGARA AKAN MENJADI LEMAH DAN USAHA PEMBANGUNAN NEGARA AKAN TERBAMTUT.

DR. MAHATHIR BERKATA, YANG GEMBIRA ADALAH NEGARA-NEGARA MAJU KERANA MEREKA AKAN DAPAT TERUS BERKUASA.

BELIAU MEMINTA MAHASISWA MENENTUKAN SIKAP MEREKA SAMADA HENDAK MENGAMBIL PERANAN MENYELAMATKAN NEGARA ATAU SEBALIKNYA MEROSAKKAN NEGARA. -- BERSAMBUNG 2334/A1

610

MAHATHIR 2 SERDANG

BELIAU MENYEBUT TENTANG ADANYA PENUNTUT-PENUNTUT YANG KELUAR NEGERI SANGGUP MENJATUHKAN NAMA NEGERA INI SUPAYA MEREKA DIPUJI OLEH PEHAK MUSUH.

CAMPURTANGAN POLITIK SEPERTI INI ADALAH MEROSAKKAN, KATANYA.

DR. MAHATHIR MENGIGATKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK BOLEH MEMBENARKAN TIMBUL SATU GOLONGAN TERISTIMEWA DARI KALANGAN PENUNTUT KERANA PENUNTUT JUGA ADALAH RAKYAT DAN TERPAKSA MEMATUHI UNDANG-UNDANG.

BELIAU TIDAK BERSETUJU DENGAN LANGKAH MAHASISWA MENGGUNAKAN TINDAKAN BERAMAI-RAMAI UNTUK MENGUATKAN SESUATU TUNTUTAN.

MENTERI ITU BERKATA, MAHASISWA SEPATUTNYA KELUAR DITENGAH-TENGAH RAKYAT DENGAN BERTEMU DAN CCUBA Mencari PENGARUH DI KALANGAN MEREKA.

BELIAU MENOLAK DAKWAAN YANG MENGATAKAN MAHASISWA TIDAK BOLEH BERGERAK CERGAS SETELAH TAMAT PENGAJIAN DAN BEKERJA KERANA TERIKAT DENGAN PERINTAH AM.

KATANYA JIKA MEREKA BETUL-BETUL BERPEGANG KEPADA PERJUANGAN, MEREKA TIDAK SEMESTINYA SAYANGKAN GAJI SEMASA MENJALANKAN SESUATU TINDAKAN. --BERNAMA 2355/NB